

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ،

رب اشرح لي صدري ويسر لي أمري واحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

أَمَّا بَعْدُ

## LATAR BELAKANG

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala di atas limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat sama-sama menyambut Majlis Ilmu tahun 2021 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-75 Tahun.
2. Mengambil kira kita masih dalam keadaan berjaga-jaga disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 di negara ini, maka penganjuran Sambutan Majlis ilmu tahun ini telah disesuaikan dengan langkah-langkah pencegahan dan lebih kepada memanfaatkan platform digital media termasuklah mengunapakai kaedah media info bersesuaian lainnya. Hal ini adalah bertepatan dengan sasaran kerajaan untuk beralih atau memperluaskan peningkatan penggunaan penyampaian perkhidmatan seiring dengan kemajuan teknologi Industri Revolusi 4.0 (IR 4.0). Penganjuran sambutan Majlis Ilmu 2021 dan acara-acara seumpamanya juga adalah mengambil kira kepada Business Continuity Plan (BCP) sebagaimana yang telah disusun dan dirancang dengan penuh teliti. Walau apa pun pedekatan yang diambil dalam mengendalikan majlis yang sangat signifikan ini, apa yang pasti ialah hasrat yang tersurat dan tersirat serta mesej penting yang ingin diterjemahkan menerusi sambutan tahunan ini, akan terus sahaja menjadi keutamaan kepada kita semua, apatah lagi ianya disempenakan dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

3. Pada tahun lepas, Sambutan Majlis Ilmu juga telah diadakan dalam format yang berlainan. Acara utama pada ketika itu, yang mengambil tempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin pada 15 Disember 2020, telah disemarakkan dengan Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang antara lain menyentuh tentang **"setiap kejadian yang didatangkan oleh Allah adalah tidak sunyi dari mengandungi hikmah, yang perlu difahami dan dipelajari, sebagai mampu untuk menumbuhkan keinsafan atau kesedaran di hati kita"**. Bahawasanya, intipati titah Baginda berkenaan adalah bersukut dengan tema sambutan Majlis Ilmu pada masa itu iaitu **"Mensyukuri Ni'mat Kesihatan Sebagai Anugerah Allah"**.
4. Di sini, suka saya membawa kita semula kepada hasrat utama Majlis Ilmu ini, sebagai salah satu acara utama perayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang diungkayahkan oleh Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu sejak tahun 2004.
5. Selain menjadi landasan bagi menghidangkan pelbagai ilmu pengetahuan yang relevan dan semasa kepada rakyat dan penduduk di Negara ini, Majlis Ilmu adalah juga merupakan manifestasi kepimpinan intelektualisme Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khasnya kedudukan Baginda sebagai Pemimpin Islam yang amat menitikberatkan kepentingan ilmu untuk seluruh lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

#### TEMA MAJLIS ILMJU

6. Bagi tahun ini, tema Majlis Ilmu ialah **"COVID-19: Satu Iktibar"**. Tema ini adalah mengambil kira impak situasi sekarang yang sekelip mata mengubah wajah kehidupan masyarakat dunia secara keseluruhan. Dalam konteks Negara pula, perubahan serta kesan yang berlaku bukan saja terhadap sosio kehidupan masyarakat, bahkan juga terhadap sosio ekonomi dan hal ini semakin terkesan sejak bermulanya gelombang kedua penularan jangkitan tempatan COVID-19 di Negara ini.
7. Pemilihan tema **"COVID-19: Satu Iktibar"** juga adalah bertujuan bagi memberikan kesedaran serta menjadikannya sebagai satu panduan untuk melihat dari sudut dan sesi positif dari apa yang berlaku pada ketika ini. Walaupun pada zahirnya, semua yang dialami dan dirasai hanyalah kepayahan, kegetiran, kesukaran

dan kesengsaraan semata-mata. Setentunya setiap musibah, bala atau peringatan yang berlaku adalah takdir Allah Subhanahu wa Ta'ala yang hakikatnya mempunyai beribu kerahsiaan, pengajaran besar, serta hikmah di sebaliknya. Di sinilah setiap kekuatan dan juga kelemahan yang ada pada diri individu atau institusi akan terserlah dengan nyata di dalam kita mengharungi apa yang berlaku. Setelah segala kelemahan tersebut dapat dilihat dan disedari, maka itulah masanya kita bermuhasabah untuk bangkit memperbaiki apa yang lemah dan meningkat usaha dalam memantapkannya.

8. Sehubungan dengan ini, bagi menyemarakkan lagi sambutan Majlis Ilmu 2021 kali ini dan meneruskan usaha untuk menjadikan Majlis Ilmu sebagai salah satu platform perkongsian ilmu, sukacita saya ingin mengongsikan rancangan-rancangan Majlis Ilmu 2021 yang berupa format baharu tanpa melibatkan perhimpunan ramai secara fizikal seperti berikut:

**Pertama**, penerbitan sebuah video dengan judul "Rancangan Khas Majlis Ilmu Membawa Berkah" yang merupakan sebuah rancangan berbentuk Doku-Majalah yang memaparkan latar belakang dan perjalanan Sambutan Majlis Ilmu sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2004 sehingga tahun 2021.

**Kedua**, Ceramah Khas mengenai tema Majlis Ilmu 2021 oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

**Ketiga**, sesi Wawancara Khas bersama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Ilmu yang berkisar tentang iktibar COVID-19 dari konteks kemasyarakatan dan hal ehwal sosio-ekonomi masyarakat.

**Dan Ahir sekali**, sesi Wawancara mengenai buku Majlis Ilmu yang dihasilkan oleh Yang Mulia Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos selaku Penulis dan Penyusun buku sejarah Majlis Ilmu

Demikianlah seberapa sedikit perkongsian tentang perisian Sambutan Majlis Ilmu pada kali ini yang membawa tema "**COVID-19: Satu Iktibar**".

9. Alhamdulillah, apapun keadaan kita pada masa ini, janganlah lupa untuk kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, kerana di atas teguran dan peringatan kasih ini lah kita sedar bahawa kita telah leka, alpa dengan nikmat yang Allah kurniakan kepada kita semua sebelum ini, sehingga kita terlalu lalai di dalam menikmatinya. Lalai dari mengingati Allah, lalai dari bersyukur kepadaNya, lalai dalam kegembiraan yang jauh menyimpang dari mengingatiNya. Hakikatnya itu lah yang telah kita lakukan. Baginda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda di dalam hadits baginda yang diriwayatkan oleh At-Tirmizi:

إِنَّ عِظَمَ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلَاءِ ، وَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ ،  
فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَا ، وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السُّخْطُ

*Besarnya ganjaran pahala adalah bersamaan dengan besarnya ujian (bala'). Dan sesungguhnya apabila Allah Subhanahu wa Ta'ala mencintai suatu kaum, Dia menurunkan ujian (bala') kepada mereka. Maka sesiapa yang redha dengan ujian itu, maka ia akan mendapatkan keredhaanNya. Dan siapa yang marah (tidak redha) dengan ujian tersebut, maka ia akan mendapatkan kemurkaanNya.*

10. **أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ** (Astaghfirullah Hal 'Azim), marilah kita semua memohon keampunan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan merenung dan mengimbas semula tingkah laku dan perbuatan kita sepanjang tempoh 456 hari Negara 'sunyi' dari jangkitan tempatan Covid-19 ini. Sudah pasti, kita lalai dan terlalu selesa dengan nikmat tersebut. Sudah pasti kita semua merasa sangat 'bebas' menikmati keadaan itu dengan pergerakan dan aktiviti yang kurang bermanfaat dan melalaikan, sehingga kita tersasar sedikit demi sedikit dari mengingati Allah. Oleh itu, sudah selayaknya lah untuk kita menerima 'Teguran Kasih' dari Allah subhanahu wa Ta'ala jua. Di mulut dan di bibir kita mengatakan kita beriman dan bersyukur serta taat, namun anggota kaki dan tangan serta jari jemari kita bertindak tersasar dari yang sepatutnya.
11. Inilah ujian ke atas kita, ujian yang sudah setentunya menimbulkan rasa takut, bimbang, gusar, gelisah, kluatir dan pelbagai lagi rasa yang menggambarkan ketidak tenteraman dalam diri kita. Dengan ujian gelombang kedua penularan jangkitan Covid-19 di Negara ini, sudah pasti pada masa ini timbul rasa sedar dalam hati dan minda kita, di mana kita berada pada ketika Negara sunyi dari kes-kes jangkitan sebelum ini dan apa yang kita telah lakukan pada waktu tersebut.
12. Semasa kita dilanda gelombang pertama sebelum ini yang membawa kepada penutupan masjid, kita rasa sedih, kesal dan selalu merintih merindui untuk melakukan ibadah di rumah-rumah Allah. Berkat bacaan ayat-ayat suci al-Quran,

zikir-zikir dan juga doa-doa dari seluruh rakyat dan penduduk di Negara ini, Allah Subhanahu wa Ta'ala yang Maha Pengasih dan Penyayang telah memakbulkan doa dan mendengar munajat hamba-hambanya dengan mengurniakan nikmat 'bebas' dan 'sunyi' dari penularan jangkitan berkenaan. Setelah hari demi hari berlalu, sebahagian besar kita akhirnya terlalu selesa dan lalai dengan kebebasan yang Allah pinjamkan tersebut. Dan apabila gelombang kedua memasuki Negara tanpa diduga, maka semua kita akhirnya tersedar dan boleh dikatakan terkejut seolah-olah tidak percaya.

13. Keadaan yang saya imbas tersebut adalah realiti kita sebagai hamba-hamba Allah, rakyat dan penduduk di Negara ini. Itulah antara hikmah mengapa ujian diturunkan kepada kita. Ujian yang benar-benar menduga keimanan, kesabaran, menguji sejauh mana mantap dan kentalnya rasa kesyukuran kita kepada nikmat Allah Subhanahu wa Ta'ala, serta mengingatkan kepada kita betapa kerdilnya kita sebagai hamba Allah Subhanahu wa Ta'ala dan akhirnya mengembalikan kesedaran kita bahawa nikmat yang Allah Subhanahu wa Ta'ala pinjamkan tersebut amatlah besar dan agung. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah Al-Baqarah ayat 155:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِيرِ الصَّابِرِينَ

*Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan kerana kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu. Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.*

Selain dari firman Allah tersebut, baginda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wassalam juga menekankan hal yang sama melalui sabdanya:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَلِكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ  
وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

*Amat menakjubkan urusan orang yang beriman kerana setiap urusannya adalah baik, dan itu tidak akan berlaku kepada seorang pun kecuali kepada orang beriman. Jika dia mendapat sesuatu yang menyenangkan dia bersyukur, maka itu adalah kebaikan baginya. Dan jika dia ditimpa kesusahan dia bersabar, maka itu adalah kebaikan baginya. (Hadits riwayat Imam Muslim)*

14. Sesungguhnya selama lebih setahun rakyat dan penduduk di Negara ini Allah kurniakan nikmat sunyi sepi dari Covid-19. Nikmat yang amat kita rindui, nikmat yang pada ketika ini kita cari, kita karihi dengan berjuang berhabis-habisan. Sesungguhnya nikmat tersebut pada ketika Allah kurniakan kepada kita, boleh dikatakan kurang kita syukuri, kurang kita jaga dan hargai, serta dengan nikmat tersebut juga kita telah lalai. Kita rujuk firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah Ibrahim ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

*Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya): Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmatKu) tentu aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azabKu sangat keras.*

15. Apa tanda kita bersyukur? Dan bagaimana cara yang betul menunjukkan rasa kesyukuran kita? Sebetulnya mensyukuri nikmat Allah Subhanahu wa Ta'ala ini boleh saja kita lakukan dengan pelbagai cara, antaranya melalui hati, lisan atau perbuatan. Jika kita bersyukur dengan hati kita, maka kita iaitu dengan mengiktiraf dan mengakui dengan sepenuhnya bahawa semua nikmat-nikmat tersebut adalah kurnia dan pemberian daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Manakala dengan lisan pula ialah dengan selalu memuji Allah yang memberi nikmat dan memperbanyakkan bacaan tasbih, tahmid, tahlil dan juga takbir kerana ini antara empat perkataan yang paling disukai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.
16. Sekarang kita fahami apa yang dimaksudkan dengan bersyukur dengan perbuatan. Ianya adalah dengan berlaku taat kepada Allah dan menggunakan segala nikmat-nikmat yang dikurniakan pada tempat dan jalan yang diredhainya. Jika kita dikurniakan nikmat berupa kebebasan dan jua kesihatan, maka gunakanlah ia dengan sebaik-baiknya, jangan disalah gunakan untuk melakukan perbuatan atau aktiviti yang membuatkan kita semakin jauh dari mengingati Allah. Maka kita manfaatkan dan gunakan nikmat tersebut dengan sebaik-baiknya. Tidak mensia-siakannya atau membazirkannya. Ini sebagaimana dinyatakan di dalam sebuah syair bijak pandai arab yang masyhur:

إِذَا كُنْتَ فِي نِعْمَةٍ فَارْعَاهَا      فَإِنَّ الْمَعَاصِي تُزِيلُ النِّعَمَ

*Jika kamu berada dalam suatu nikmat maka peliharalah nikmat itu, Sesungguhnya perbuatan maksiat akan melenyapkan nikmat*

## HIKMAH COVID-19

17. Alhamdulillah, sebagaimana yang saya nyatakan di awal tadi, bahawa penularan jangkitan wabak Covid-19 ini setentunya ada hikmah besar di sebaliknya. Cuba kita sama-sama teliti dan lihat dari sudut positif kejadian ini, bukankah apa yang telah berlaku ini, telah membawa kita setapak demi setapak ke hadapan?. Bukankah di sebalik kegetiran yang melanda terdapat kebaikan ataupun berlaku secalit perubahan, mungkin bukan pada diri kita, akan tetapi mungkin ia berlaku kepada ahli keluarga kita yang selama ini kita amat harapkan perubahan tersebut. Di sebalik kesedihan dan keperitan tersebut hanya Allah yang Maha Mengetahui apa yang tersirat di sebaliknya kerana semua yang berlaku ini adalah dengan kehendak Allah jua.
18. Antara hikmah besar ujian atau musibah itu berlaku adalah semata-mata bertujuan untuk menaikkan darjat atau martabat seseorang. Yakinlah bahawa perubahan akan berlaku sebagaimana hadits Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

مَا يُصِيبُ الْمُؤْمِنَ مِنْ شَوْكَةٍ فَمَا فَوْقَهَا إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ بِهَا دَرَجَةً أَوْ حَطَّ عَنْهُ بِهَا حَاطِبَةٌ

*Tidak ada satu pun musibah (kesusahan) yang menimpa seorang muslim berupa duri atau apa yang lebih dari itu, melainkan Allah akan mengangkat darjat dengannya, atau dihapuskan dengannya kesalahan.*

19. Saya yakin dan percaya bahawa seluruh rakyat dan penduduk di Negara ini sedia maklum mengenai beberapa peraturan dan strategi yang telah dilaksanakan di dalam membendung penularan jangkitan Covid-19 ini. Segala SOP, langkah-langkah pengawalan dan pembenterasan yang diatitkan itu semuanya dilaksanakan bagi menjaga kemaslahatan semua. Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Islam yang berdaulat, sebuah "Negara Zikir" dan "Baladun Thayyibatun Wa Rabbun Ghafur", maka setentunya pentadbiran Negara termasuklah undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan adalah berpandukan Maqasid Syariah yang lima (5); menjaga agama, nyawa, akal, keturunan & harta. Inilah yang kita pertahankan dan sudah setentunya 'Operasi Pulih' yang sedang berjalan pada masa ini adalah salah satu daripadanya.

20. Sehubungan dengan itu juga, sebagai sebuah “Negara Zikir” maka sudah semestinya lah kita selaku rakyat dan penduduk di Negara ini sentiasa mengamalkan bacaan zikir-zikir di dalam kehidupan seharian kita, lebih-lebih lagi di saat kita amat berharap kepada bantuan serta pertolongan Allah Subhanahu wa Ta’ala.
21. Alhamdulillah, Raja kita selaku Ketua Agama di Negara ini seringkali mengingatkan kita agar sentiasa taat kepada perintah Allah Subhanahu wa Ta’ala dan segala ajaran yang dibawakan oleh baginda Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam. Baginda juga tanpa henti-henti menekankan agar rakyat dan penduduk di Negara ini sentiasa membaca ayat-ayat suci Al-Quran, mengamalkan zikir-zikir dan memohon doa kepada Allah Subhanahu wa Ta’ala. Ini jelas dapat kita lihat di dalam beberapa titah baginda khususnya yang berkaitan dengan Covid-19 antaranya Titah Perutusan khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenaan jangkitan wabak Covid-19 pada 21 Mac 2020:

*Selaku bangsa yang berakidah, di samping meneruskan usaha-usaha bersifat jasmani (fizikal), kita juga dituntut untuk menggandakan usaha-usaha bersifat kerohanian (spiritual) dengan membanyakkan do’a dan zikir kepada Allah serta melakukan Amar Ma’ruf dan Nahyi Munkar.*

*Disinilah budaya kita berbeza. Kita tahu, wabak ini bukan wujud dengan sendirinya, tetapi datang daripada, siapa yang bernama ‘Maha Pencipta’. Tiada siapa di kalangan kita yang tahu mengapa ia didatangkan. Tetapi bercermin kepada peristiwa-peristiwa yang dirakam dalam Al-Qur’an, maka dapatlah difahami, bahawa setiap bala atau musibah atau wabak itu adalah ia satu peringatan atau hukuman atau intiqam daripada Allah.*

*Cuma satu sahaja harapan yang tinggal, iaitu kita sama-sama datang kepada Allah dengan merendah diri, mengaku berdosa sambil memohonkan belas kasihan-Nya. Ya Allah, pelihara dan selamatkanlah kami dari wabak yang dahsyat ini. Hanya Engkau jua sebaik-baik pemeliharaan itu.*

22. Dan dalam Titah Perutusan Khas Baginda berkenaan jangkitan wabak Covid-19 pada 13 April 2020, baginda juga sekali lagi menekankan seperti berikut:

*Beta ingin menganjurkan supaya kita sama-sama melazimkan diri membaca Surah Yaseen selain surah-surah yang lain dalam al-Qur’an, kerana Yaseen fadhilatnya sangat banyak untuk keselamatan kita di dunia dan di akhirat. Insya Allah, dengan berkat Yaseen juga, Covid-19 akan berundur meninggalkan kita dan negara.*

*Untuk akhirnya, Beta mengajak, supaya kita sama-sama berdo’a. Ya Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya Covid-19,*

*dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha berhak untuk memberikan pengampunan. Ameen Ya Rabbal 'Alameen.*

23. Manakala di dalam Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia - Tahun 1443H/2021M pada 17 Ogos 2021, baginda bertitah:

*Kita selaku hamba Allah, janganlah malu mengaku berdosa dan berat untuk bertaubat. Kita tidak tahu, berapa banyakkah dosa kita, sama ada yang dilakukan secara sedar atau tidak sedar, semua itu pembasuhnya, hanyalah satu sahaja, iaitu istighfar atau taubat.*

*Kalau membasuh tangan dengan air atau sanitizer, tetapi membasuh dosa adalah dengan istighfar dan taubat.*

*Maka marilah, sama-sama kita munajat mengikhlaskan diri dan merafa'kan tangan ke langit berdo'a:*

*"Ya Allah, ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redhai, maka Engkau ampunkanlah kami, dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon, supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.*

24. Di samping itu, kita juga dapat melihat secara nyata bahawa antara hikmat atau sudut positif yang ketara dari situasi penularan jangkitan Covid-19, peniaga-peniaga kecil dan sederhana yang telah mengambil peluang dari situasi yang berlaku ini dengan meningkatkan usaha khususnya dalam meningkatkan dan memperkembangkan usaha dan perniagaan mereka ke peringkat seterusnya. Peraturan yang dilaksanakan ini telah membuka lebih banyak peluang kepada peniaga-peniaga kecil dan sederhana ini menambah pendapatan dengan membuat penjualan secara online. Jika selama ini perniagaan mereka kurang diketahui ramai, dengan berlakunya situasi ini masyarakat awam telah mula menyedari dan mengetahui akan kewujudan perniagaan mereka. Tanpa ragu, kita percaya dan akui bahawa penularan jangkitan Covid-19 di Negara ini telah menimbulkan kesedaran, tekad dan azam, serta bangkit dengan semangat yang tinggi untuk meningkatkan usaha di kalangan peniaga-peniaga kecil dan sederhana demi survivability perniagaan masing-masing.

25. Oleh yang demikian, penularan jangkitan Covid-19 bukanlah semata-mata dipenuhi dengan keburukan, keperitan dan kesusahan kerana jika kita lihat dengan mata, maka kita hanya nampak apa yang dapat kita lihat, manakala jika kita lihat semua ini dengan mata hati kita, maka sudah setentunya kita mampu melihat dengan lebih jauh lagi hikmah yang tersirat. Meski apapun yang kita hadapi, maka berbekalkan Surah Al-Insyirah ayat 5-6, kita hendaklah sentiasa tenang dan tabah kerana pada setiap kesukaran dan kegetiran itu pastinya ada hikmah dan kesenangan yang menanti. Sempurnakan lah keyakinan kita semua terhadap janji Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagaimana yang dinyatakan di dalam surah tersebut.

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا  
إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

*Maka sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan. Sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan.*

26. Oleh yang demikian, marilah kita sama-sama akur dan redha dengan ketentuan Ilahi di mana apa yang berlaku sekarang adalah Qadha dan Qadar Allah Yang Maha Esa. Maka oleh itu, adalah dengan Qadha dan Qadar itu juga kita wajib patuh dan taat kepada segala ketetapan yang dibuat dalam memberikan kerjasama kepada semua pihak yang bertungkus lumus melaksanakan amanah yang telah diberikan kepada mereka yang tidak lain bertujuan untuk memelihara dan melindungi rakyat dan penduduk di Negara ini. Fahami dan hayatilah bahawa ketetapan Allah Subhanahu wa Ta'ala itu adalah yang terbaik bagi kita. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah Al-Baqarah ayat 216:

وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

*Dan boleh jadi kamu tidak menyukai kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui.*

## PENUTUP

27. Di akhir ucapan khas saya ini, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu Tahun 2021 Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 Tahun setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang turut terlibat mengunggakayahkan, serta menjayakan majlis yang berkat dan berkeabajikan ini. Semoga segala usaha dan sumbangan murni yang

diberikan akan diberi ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala jua.

28. Dengan itu saya tutup ucapan saya ini dengan membacakan firman Allah dalam Surah Hud ayat 9-11 untuk kita semua hayati dan renungi bersama.

وَلَيْنُ أَدْفَنَاهُ نِعْمَاءَ بَعْدَ ضَرَاءٍ مَسْتَهْ لَيَقُولَنَّ ذَهَبَ السَّيِّئَاتُ عَنِّي إِنَّهُ لَفَرِحٌ فَخُورٌ  
إِلَّا الَّذِينَ صَبَرُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ

*Dan demi sesungguhnya! Jika Kami rasakan manusia sesuatu pemberian rahmat dari Kami kemudian Kami tarik balik pemberian itu daripadanya, mendapati dia amat berputus asa, lagi amat tidak bersyukur. Dan demi sesungguhnya! Jika Kami memberinya pula kesenangan sesudah ia menderita kesusahan, tentulah dia akan berkata: "Telah hilang lenyaplah dariku segala kesusahan yang menimpaku". Sesungguhnya dia (dengan kesenangannya itu) riang gembira, lagi bermegah-megah (kepada orang ramai). Kecuali orang-orang yang sabar dan mengerjakan amal soleh maka mereka itu akan beroleh keampunan dan pahala yang besar.*

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية  
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**DATO SERI SETIA HAJI AWANG ABDUL MOKTI BIN HAJI MOHD DAUD**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Selaku

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu Tahun 2021

Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Yang Ke-75 Tahun